



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call. Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1968 > September > 20 > Page 3 > PESERTA PROJEK TANAH MALAS, AKAN DI-



PESERTA PROJEK TANAH MALAS, AKAN DI-SINGKIR

Berita Harian, 20 September 1968, Page 3

Share    

Save Citation

<< Previous Article Next Article >>

PESERTA PROJEK TANAH MALAS, AKAN DI-SINGKIR

KUALA LUMPUR, Khamis.
SA-RAMAI 21 orang peserta dua ranchangan tanah dalam daerah Ulu Langat — di-Sungai Tekali dan Sungai Merab akan di-singkirkan.

Enam orang peserta lagi juga sedang di-timbangkan kedudukan mereka, kata Pegawai Daerah Ulu Langat, Enche Hassan Ibrahim hari ini.

Nasib mereka akan ditentukan pada 28 September ini bila Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah bersidang, katanya lagi.

Menurut-nya, sebab mereka akan di-singkirkan la-lah kerana malas dan tidak mengikut peratoran yang di-tetapkan.

Beri amaran

Mereka yang akan di-

singkirkan itu ia-lah 12 orang dari ranchangan tanah Sungai Tekali dan 9 orang dari ranchangan tanah Sungai Merab.

Enche Hassan berkata bahawa tindakan ini diambil sa-telah mereka di-beri amaran terlebih dahulu, tetapi mereka engkar mematuhi syarat2 tertentu dalam ranchangan tanah

Tegas-nya, kebanyakan mereka tidak langsung mengerjakan tanah dan berhulan2 meninggalkan-nya hingga tumbuh lalang.

Satu sebab lain ia-lah kerana mereka tidak mahu tinggal dalam ranchangan itu, kata Enche Hassan.

570 peserta

Enche Hassan berkata bahawa jumlah kawasan tanah bagi kedua ranchangan itu ia-lah kira2 2.000 ekar untuk 570 orang peserta-nya.

"Saya terpaksa bertindak tegas kerana menjaga peratoran ranchangan tanah dan untuk menjamin tanah yang di-beri itu dapat dikerjakan dengan betul dan sunggoh2". tegas-nya.



ENCHE HASSAN.... tindakan di-ambil sa-telah mereka di-beri amaran

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#)  [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#)  [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#)
[Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31